

Mesyuarat Permuafakatan Jabatan Pendidikan WP Labuan & Jabatan Pendidikan Negeri Sabah Bersama PDRM (Bil. 1/2026)



Labuan, 5 februari 2026 – Mesyuarat Permuafakatan Jabatan Pendidikan WP Labuan & Jabatan Pendidikan Negeri Sabah Bersama PDRM (Bil. 1/2026) telah berjaya dilaksanakan dengan penuh harmoni bertempat di Dewan Persidangan, Mahkamah Syariah WP Labuan.

Fokus Utama: Memperkukuh kerjasama demi keselamatan sekolah dan sahsiah murid di kedua-dua negeri iaitu Sabah dan W.P Labuan.

Kehadiran Kepimpinan Utama:

- Pengerusi Mesyuarat: Encik Yahya bin Ahmad Puteh (Pengarah Pendidikan WP Labuan).

- Tetamu Kehormat: YDH CP Datuk Jauteh bin Dikun (Pesuruhjaya Polis Sabah) & YBhg Datuk Raisin bin Saidin (Pengarah Pendidikan Sabah).
- Turut dihadiri Ketua-ketua Jabatan PDRM Sabah dan WP Labuan serta perwakilan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan Jabatan Pendidikan WP Labuan.

Program Permuafakatan ini bukan sekadar pertemuan biasa, tetapi satu manifestasi komitmen antara pihak pendidikan dan pasukan keselamatan bagi memastikan persekitaran sekolah kita bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, malah selamat daripada sebarang ancaman disiplin dan jenayah.

Terima kasih kepada semua pihak atas perkongsian idea dan komitmen yang tidak berbelah bahagi. Semoga usaha murni ini memberikan impak positif yang berterusan buat anak-anak didik kita di WP Labuan dan Sabah.

[#7TerasKPM](#)

[#MalaysiaMADANI](#)

[#PendidikanManusiawi](#)

[#TaatSetia](#)

[#tahuninitahunkita](#)













